

NO.SOALAN: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6514

SOALAN:

DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pengguna Akta Pertubuhan 1966 oleh Kerajaan untuk menyita dan merampas premis pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar termasuk gerakan Syiah di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan bernois dan tidak bernois secara berkala ke atas pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dengan JPPM. Selain itu, JPPM juga membuat pemantauan dan menjalankan operasi bersepadu dengan agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ke atas pertubuhan yang bergerak tanpa berdaftar dengan JPPM termasuk gerakan Syiah hasil daripada aduan, risikan dan maklumat yang lain yang diterima. Dalam hal ini, JPPM menggunakan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 64 Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) yang memberi kuasa kepada Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar atau mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah seksyen kecil (1A) seksyen 3 dan diberi kuasa dengan sepenuhnya secara bertulis oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar untuk masuk, menggeledah dan menyita dalam hal-hal khas sesebuah pertubuhan yang berdaftar atau menyalahi undang-undang sekiranya ada bukti kukuh.